



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207  
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 ( 21 )  
Tarikh : 03 April 2023  
Bersamaan : 17 Ramadan 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL. 19/2023/O : PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2022(105) bertarikh 3 April 2023.

- Untuk makluman pihak tuan, sekatan *overbajet* OS17000 bagi bayaran BKKA Tahun 2023 di Sistem iGFMAS akan dibuka mulai **10 April (Isnin) sehingga 21 April 2023 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan *overbajet* ini adalah bagi membenarkan pihak tuan melaksanakan bayaran kepada pegawai yang layak termasuk pegawai lantikan *MySTEP* yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM) pada bulan April 2023.
- Justeru, kaedah pembayaran tersebut adalah melalui Arahan Pembayaran Jenis Transaksi Invois Tanpa Pesanan Tempatan (K2) dengan menggunakan kod akaun B0117102 atau B0229306. Bagi tujuan penyeragaman, perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini adalah **Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023**.
- Pihak tuan diingatkan supaya pembayaran BKKA Tahun 2023 ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKKA Tahun 2023 dibuat pembayaran sekali sahaja kepada pegawai yang layak.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))**  
Pengarah Negeri,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.